



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI
BILANGAN 16 / 2006
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PROGRAM TENAGA PAKAR DAN PROFESSIONAL

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Baginda telah memperkenalkan Program Tenaga Pakar dan Professional, dan Program Biasiswa di bawah Projek Dana Sumber Manusia.

2. KETERANGAN PROGRAM

- 2.1 Program ini adalah khusus untuk pengajian di luar negeri di peringkat sarjana dan PhD sahaja.

3. OBJEKTIF

- 3.1 Program ini adalah bertujuan untuk menghasilkan lebih ramai pakar dan ahli professional yang berkualiti di berbagai bidang di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan yang mempunyai kelayakan.
- 3.2 Program ini akan memastikan bahawa perancangan Kementerian atau Jabatan dan keperluan di bidang kepakaran akan tercapai secepatnya.

4. SYARAT KELAYAKAN

- 4.1 Syarat bagi menyertai program ini pada masa ini adalah sama dengan syarat dan kelayakan di bawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan yang berjalan sekarang termasuk pemilihan calon, tempat dan tempoh pengajian, tempoh berkhidmat dengan Kerajaan, tempoh ikatjanji dan had umur (Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 10/2006 bertarikh 29 April 2006).
- 4.2 Syarat dan kelayakan bagi program ini adalah tertakluk kepada perubahan di masa akan datang mengikut keperluan.

ker .



5. BIDANG PENGAJIAN

5.1 Bidang pengajian yang akan diikuti adalah yang diperlukan oleh jabatan/Kementerian yang membuat sokongan dan diluluskan oleh Badan Mempertimbangkan Latihan Dalam Perkhidmatan, walaupun bidang-bidang yang diikuti itu terdapat di institusi-institusi pengajian di Negara Brunei Darussalam. Jenis bidang kursus yang diberi keutamaan antaranya ialah:

- Economics;
- Management;
- Public Policy and Administration;
- Law termasuk Islamic Law;
- Marketing;
- Science and Technology & ICT
- Engineering;
- Finance and Accounting (Islamic Finance);
- Politics;
- Mathematics and Statistics;
- Education;
- Medicine.

5.2 Bidang-bidang lain akan ditentukan oleh Jawatankuasa berkenaan tertakluk kepada perubahan di masa akan datang mengikut keperluan.

6. KEMUDAHAN

6.1 Kadar elaun dan kemudahan adalah seperti kadar elaun dan kemudahan yang telah dipinda seperti dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan:10/2006 bertarikh 29 April 2006 yang dikendalikan oleh Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) pada masa ini.

6.2 Kadar elaun dan kemudahan tertakluk kepada perubahan di masa akan datang mengikut keperluan.

REC



7. PERLAKSANAAN

- 7.1 Program akan dikendalikan oleh Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) akan menyelaraskan program ini termasuklah penyediaan peruntukan dan memantau perlaksanaannya. Peruntukan bagi program ini adalah di bawah Dana Sumber Manusia, Rancangan Kemajuan Negara (RKN).

8. PERMOHONAN

- 8.1 Borang permohonan bolehlah dihadapkan kepada:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Jabatan Perdana Menteri

Sekian saja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

(DATO PADUKA HAJI KAMIS BIN HAJI TAMIN)

Setiausaha Tetap
Jabatan Perdana Menteri

Rujukan : (16) JPM/SK/2006
Tarikh : 6 Rejab 1427
31 Julai 2006